

Noor Dina terus bangkit jadi usahawan berjaya

Coklat Dazzle pernah cair



Di Sebalik
kesuksesan

KATA orang, kalau sudah minat apa sahaja cabaran yang datang pasti dapat diharungi dengan jayanya. Begitulah perumpamaan yang dapat disimpulkan kepada antara perintis usahawan coklat yang berjaya ini.

Wanita muda ini pernah bertugas sebagai jurujual kad kredit, namun atas dorongan keluarga dan suami, beliau bangkit sebagai usahawan biaurpun pelbagai cabaran terpaksa diatempuh.

Wartawan KOSMO! Ahad, SUHANA MD. YUSOP dan jurugambar, DJOHAN SHAHRIN SHAH menyelami hati Pengarah Urusan Dazzle Food Enterprise, Noor Dina Mohd. Tajudin, 26, di pejabatnya di Taman Desa Raya, Hulu Langat.

KOSMO! Ahad: Saudari pemimat coklat?

NOOR DINA: Ya, sememangnya saya merupakan peminat coklat yang fanatik.

Minat pada coklat sehingga ia seolah-olah makanan rutin bagi saya, namun syukur kerana saya tak gemuk.

Adakah penghasilan coklat satu proses yang rumit?

Tidak. Ia mudah jika disusuli dengan minat. Dengan erti kata lain, semua yang ingin kita lakukan akan menjadi senang dan teratur jika pekerjaan itu yang kita minat.

Bagi yang baru mencuba untuk menyiapkan coklat dari yang cair sehingga masuk ke dalam acuannya, dalam 30 minit bila siap. Tetapi bagi yang mahir dalam tempoh lima minit coklat yang ingin dihasilkan siap.

Bagaimana saudari memulakan perniagaan ini?

Penghujung tahun lalu, sekitar November saya mulakan perniagaan ini secara serius berkat dorongan ibu, Siti Ropiah Hambali, 57. Berbulan-bulan sebelum itu saya asyik mengkaji dan mencari maklumat mengenai coklat dan ramuannya.

Dua minggu proses permohonan dengan Lembaga Koko Malaysia, akhirnya saya berjaya mendapat tempat untuk belajar cara membuat coklat yang betul serta ramuan yang digunakan mengikut spesifikasi ditetapkan. Di sana saya belajar bagaimana buat coklat dengan cara yang paling mudah. Contohnya coklat tanpa ada perasa lain selain coklat yang berinti kacang.

Ajakan ibu untuk membuka perniagaan coklat ini sebenarnya yang membuka ruang untuk saya berkecimpung dalam bidang yang diminati.

Pada mulanya ingin buat secara sambilan sebagai kerjaya kedua, tetapi apabila difikirkan secara mendalam dan atas nasihat suami, saya jadikan ia tumpuan utama.

Mungkin kalau saya masih berkerja sebagai eksekutif kad kredit di sebuah bank, perniagaan ini tidak mampu berkembang macam sekarang.

Bermodal RM50,000, hasil simpanan sendiri akhirnya Dazzle Food Enterprise mampu berdiri sehingga kini dan akan terus bersaing dengan produk-produk coklat keluaran syarikat tempatan yang lain.

Mengapa dipilih nama Dazzle?

Pada mulanya ibu saya mahu menamakan perniagaan ini sempena nama saya Dina. Tapi nama itu tiada nilai komersial serta tiada tarikan. Puas mencari di kamus dan akhbar selain berbinang dengan suami, Ahmad Faris Mat Yusoff, dengan menyenaraikan beberapa nama menarik akhirnya Dazzle yang dipilih.

Selain permulaan huruf D yang sama dengan nama saya, Dazzle maksudnya, sesuatu yang bersinar bak kilauan permata. Sebalik itu nama Dazzle dipilih seiring dengan harapan saya untuk perniagaan ini terus menyinari di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Prestasi perniagaan ini sekiranya?

Alhamdulillah, ia semakin berkembang baik. Berkat usaha saya mengikuti pelbagai carnival anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, perniagaan ini semakin mendapat tempat di hati rakyat tempatan.

Kini, coklat Dazzle semakin diminati kerana resipi yang dijamin 100 peratus menggunakan coklat yang dibeli daripada Lembaga Koko Malaysia dan juga diimport dari Ghana.

Setakat ini, Dazzle sudah menembusi pasaran dalam negara dan juga menjadi pilihan beberapa kementerian untuk menjadi cenderamata untuk tetamu mereka.

Keistimewaan dan kelazatan coklat Dazzle telah mendapat tempat bukan saja di dalam negara tetapi luar negara seperti Dubai



SOKONGAN dan bimbingan pelbagai pihak banyak membantu Noor Dina membangunkan perusahaan coklat Dazzle.

dan United Kingdom.

Selain itu, permintaan untuk coklat Dazzle meningkat setiap kali menjelang bulan perayaan melengkapkan antara punca mengapa kilang Dazzle perlu didirikan.

Keistimewaan coklat Dazzle?

Ia 100 peratus coklat tanpa tambahan lain melainkan kacang, karamel dan badam. Selain itu, Dazzle dihidangkan dengan pelbagai kilauan seperti vanilla, oren dan strawberry. Dazzle mempunyai lebih 30 corak yang menarik.

Pahit bergelar usahawan coklat?

Cabarannya datang pada awal ia hendak dibuka. Ini kerana untuk tempoh seminggu saja mencuba untuk mencipta pelbagai jenis coklat yang berlainan, tetapi saya gagal pada waktu itu.

Coklat tidak menjadi, rosak dan bila hantar ke kedai, pekedai itu hantar balik sebab coklat jadi keras, cepat cair dan warna berubah. Namun, saya bangkit dengan terus mencuba dan hasilkan coklat yang terbaik setanding coklat yang diimport.

Pernah putus asa dalam menjalankan perniagaan ini?

Tidak pernah. Malah waktu galang cipta resipi juga saya semakin bersemangat untuk terus membuktikan bahawa wanita muda yang disangka lemah ini oleh segerinti rakan mampu menjadi perintis pengeluar coklat tempatan yang berjaya.

diari kampus

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

11 MAC: ISTIADAT Konvokesyen ke-19 Perhimpunan Kedua di Dewan Muadzam Shah, 8.30 pagi.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

11 MAC: KONVENTSYEN Astronomi Kebangsaan: Angkawasan dan Eksplorasi Angkasa di Dewan Utama Pelajar dan Padang Kawad USM Pulau Pinang. Hubungi Pusat Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera, 04-6532379.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

13-15 MAC: PERSIDANGAN Inovasi Dalam Pendekatan Merentasi Batas Konvensional di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, 8 pagi.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

14 MAC: SEMINAR Current Trend in Information Security and Software Engineering, di Bilik Seminar Fakulti Sains Kesihatan dan Teknologi Maklumat, 10 pagi.

15 MAC: BENGKEL Tatacara Menghadiri Temuduga di Pusat Pelajar Luar Kampus (Gazebo), 9 pagi.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

14 MAC: PERBINCANGAN dan syarahan awam, Phototonics: The Need To Focus and Exploit di Dewan Senat Bangunan Pentadbiran, UTM Skudai, 2.30 petang.

UNIVERSITI MALAYA (UM)

15&16 MAC: SEMINAR Bioethics: Meeting the Challenges di Kompleks Dewan Kuliah Fakulti Sains, 8 pagi.

15-18 MAC: EKSPO Pendidikan UM 2007 di Plaza Angsana Johor Bahru, 11 pagi.